



**INSTITUT PENILAIAN NEGARA  
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

Sebutharga adalah dipelawa kepada Penyebut harga yang berdaftar dengan bidang yang berkaitan sahaja dan masih berkuatkuasa untuk menyertai sebutharga berikut :

<b>No. Sebutharga</b>	JPPH : B2 BK (S) 175/855/12/2025
<b>Tajuk</b>	<b>KERJA-KERJA MENANGGAL, MEMBEKAL DAN MEMASANG AKUSTIK PANEL DAN KERJA BERKAITAN DI INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)</b>
<b>Kod Bidang Pendaftaran</b>	Setiap penyebutarga perlu berdaftar dengan: 1) CIDB - <b>Gred G2. Kategori - B</b> dan pengkhususan - <b>B24 (wajib), B28 (jika ada) &amp; B07 (jika ada)</b> . Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB). Tidak dibenarkan sebarang "Kebenaran Khas".
<b>Syarat Permohonan Softcopy</b>	1) Sijil Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).
<b>Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat</b>	<b>25 Mac 2025 (Selasa), 10.00 Pagi</b> (Dewan Nusantara, Institut Penilaian Negara)
<b>Tarikh Tutup Sebutharga</b>	<b>8 April 2025 (Selasa), Jam 12.00 Tengahari</b>  Tawaran sebutharga yang lewat dihantar tidak akan dipertimbangkan
<b>Harga Anggaran Jabatan</b>	<b>RM500,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: LIMA RATUS RIBU SAHAJA)</b>  Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.  Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa Syarikat akan dipilih dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan

2. Borang Sebutharga akan di emel secara percuma kepada firma yang hadir taklimat tapak sahaja mulai pada 25 Mac 2025. Hanya firma yang kompeten yang memenuhi syarat diatas sahaja dibenarkan untuk memasuki sebutharga ini dengan mengemukakan Sijil Pendaftaran Asal, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

3. Sebutharga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani sah sepenuhnya hendaklah dilakri dan ditaip/ditulis Tajuk Sebutharga dan No. Sebutharga tanpa sebarang pengenalan kontraktor dengan dakwat yang tidak luntur di sudut sebelah atas kiri sampul surat dan dialamatkan kepada:

**PENGARAH  
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)  
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA, PERSIARAN INSPEN  
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN.**

4. Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disebutkan di atas pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, pada tarikh tutup sesuatu Sebutharga tersebut. Sebutharga yang diterima selepas tarikh dan masa Sebutharga ditutup adalah dikategorikan sebagai Sebutharga lewat dan ditolak sepenuhnya serta tidak akan dipertimbangkan. Bukti pos tidak diterima sebagai bukti penerimaan dan Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang risiko dan kos yang perlu atau akan dihadapi oleh Penyebut harga bersabit dengan proses Sebutharga ini.

5. **Lawatan tapak adalah diwajibkan.** Adalah menjadi tanggungjawab Penyebut harga sendiri untuk melawat tapak dan menilai jumlah harga kerja / bekalan / perkhidmatan yang ditawarkan. Sebarang kekeliruan, kekurangan, ketidakcukupan maklumat adalah menjadi risiko Penyebut harga sendiri dan pihak Kerajaan tidak akan menanggung apa apa juga kerugian/perbelanjaan terhadap kos bersabit dengan perkara tersebut. Syarat-syarat Khas Sebutharga seperti di dalam Arahan Kepada Penyebut harga adalah muktamad dan wajib dipatuhi bagi memastikan keseragaman setiap Sebutharga.

6. Kerajaan Malaysia tidak akan terikat untuk menerima sebarang Sebutharga terendah atau mana-mana Sebutharga lain serta tiada sebarang alasan akan diberikan ke atas mana – mana Sebutharga yang ditolak/tidak berjaya. Sebarang rayuan/cadangan/bantahan tidak akan dilayan.